



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

30 Jun 2021
19 Zulkaedah 1442

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Jabatan laut setuju wujud zon nelayan, kapal• 3 hari terapung di laut
Berita Harian	
Harian Metro	
Kosmo !	
Sinar Harian	
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Free Malaysia Today	
Bernama	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Borneo Post	<ul style="list-style-type: none">• Two foreign fishing boat,13 Vietnamese detained off Miri for encroachment,illegal fishing

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		10	30/06/2021
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL				

Jabatan Laut setuju wujud zon nelayan, kapal

Oleh AMRAN MULUP
utusannews@mediamulia.com.my

MELAKA: Jabatan Laut bersetuju dengan cadangan kerajaan negeri untuk mewujudkan zon nelayan dan zon kapal dalam usaha menyelesaikan masalah kapal bersauh yang menutup laluan menangkap ikan buat 300 nelayan di sekitar Melaka.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Wilayah Tengahnya, Baharuddin Zakaria berkata, langkah yang dicadangkan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Datuk Norhizam Hassan Baktee itu adalah langkah yang tepat.

Katanya, cadangan tersebut perlu dilaksanakan segera memandangkan kerajaan negeri telah bercadang untuk mewujudkan industri perkapalan dan pelabuhan dari Kuala Linggi hingga Merlimau.

"Jika masalah nelayan ini tidak diselesaikan segera akan wujud satu lagi konflik baharu apabila projek yang dicadangkan oleh kerajaan negeri itu mula dilaksanakan nanti.

"Dalam perancangan itu, akan berlaku penambakan laut di perairan Melaka iaitu melibatkan kawasan sejauh 1.5 batu nautika dari daratan asal.



KOMUNITI nelayan Kampung Hailam di Tanjung Kling hilang punca pencarian sumber rezeki yang dipercayai akibat kapal-kapal yang berlabuh di perairan Selat Melaka. - UTUSAN/RASUL AZLI SAMAD

"Setiap aktiviti penambakan laut dan pembinaan pelabuhan, golongan nelayan yang terjejas wajar mendapat sumbangan sagu hati melalui kerajaan negeri," katanya.

Utusan Malaysia pada Isnin lalu melaporkan, isu kapal bersauh di perairan Selat Melaka dari Pantai Puteri hingga ke Masjid Selat di Pulau Melaka telah menyekat punca rezeki

kira-kira 300 nelayan.

Perkara tersebut bukan masalah baharu tetapi sudah berlarutan lebih 10 tahun.

Kumpulan nelayan yang terjejas adalah dari Pantai Puteri, Kampung Balik Bukit, Kampung Hailam, Lereh dan Klebang.

Mengulas lanjut, Baharuddin berkata, beliau tidak menolak akan timbul masalah baharu antara aktiviti perikanan

dengan industri perkapalan, kesan daripada projek yang akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri tidak lama lagi.

"Apabila industri perkapalan dan pelabuhan mula dibina, nelayan pesisir pantai terpaksa menangkap ikan lebih daripada kawasan sebelum ini. Bagi Jabatan Laut usaha mewujudkan zon nelayan dan zon kapal wajar dilaksanakan segera," ujarnya.

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		27	30/06/2021
KATEGORI LIPUTAN :		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL			



LIMA nelayan Indonesia yang terapung selama tiga hari di Selat Melaka diselamatkan TLDM semalam.
- UTUSAN/IHSAN TLDM

Nelayan warga Indonesia diselamatkan TLDM

3 hari terapung di laut

Oleh SHAMSUL KAMAL AMARUDIN
utusannews@mediamulla.com.my

LUMUT: Lima nelayan Indonesia mengharungi pengalaman menakutkan selepas terapung selama tiga hari di laut selepas bot dinaiki mereka karam akibat cuaca buruk di perairan Selat Melaka.

Kelima-lima mereka kemudian hanyut sehingga memasuki perairan Malaysia sebelum diselamatkan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) kira-kira pukul 2 petang semalam.

Bahagian Komunikasi Strategik Markas Pemerintahan Armada Barat, Pangkalan TLDM Lumut, dalam kenyataannya berkata, kelima-lima mereka diberi bantuan kemanusiaan oleh Stesen Luar Pantai TLDM di Pulau Jarak, dikenali sebagai Stesen Jarak TLDM yang terletak kira-kira 35 batu nautika barat daya Pulau Pangkor.

"Kelima-lima awak-awak tersebut yang dipercayai terapung di laut selama tiga hari terlebih dahulu diselamatkan bot nelayan tempatan, sebelum dipindahkan ke Stesen Jarak TLDM.

"Semua mangsa berusia antara 25 hingga 30 tahun yang dalam keadaan lemah seterusnya diberi bantuan makanan dan minuman di Stesen Jarak TLDM," kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu, mereka kemudian dipindahkan ke Kapal Diraja (KD) Mahamiru yang sedang melaksanakan Operasi Benteng Laut dan juga Operasi Patkor Malindo sebelum diserahkan kepada pihak Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), di perairan Pulau Pangkor.

"Semua mangsa akan diserahkan kepada pihak Kedu-taan Indonesia untuk urusan dokumentasi selanjutnya," katanya.

Menurutnya, dalam melaksanakan tugas di perairan negara, TLDM bersama-sama Maritim Malaysia akan sentiasa mengutamakan keselamatan serta kesejahteraan pengguna maritim yang lain.

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI BORNEO POST		ONLINE	30/06/2021
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF			NEUTRAL			

Two foreign fishing boats, 13 Vietnamese detained off Miri for encroachment, illegal fishing

BY JENIFER LAENG ON JUNE 29, 2021, TUESDAY AT 11:47 AM



One of the two fishing boats detained by MMEA yesterday.

MIRI (June 29): The Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) has detained two foreign fishing boats and 13 Vietnamese for encroachment and illegal fishing in Malaysian waters.

Miri MMEA head Captain Md Fauzi Othman in a statement today said the two boats were detained at about 39 nautical miles from Miri at 1.01pm yesterday..

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI BORNEO POST			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL				

“Two out of six illegal foreign fishing boats were spotted at the location by the patrol team who were carrying out their routine patrol at the area.

“As soon as they realised that there was an enforcement team at the area, they tried to escape and released their fishing equipment into the waters to dispose of the evidence,” said Md Fauzi.

He added that after about 30 minutes chase, the MMEA patrol team managed to detain the two boats.

“Checks conducted on the two boats found 13 Vietnamese crew aged between 22 and 46. None of them had any identification documents and documents from the Fisheries Department to carry out fishing activities.”

Md Fauzi said all detained crew members were escorted to the MMEA Miri Zone Vessel Detention Centre Jetty for further investigation.

“The case will be investigated under the Fisheries Act 1985 for carrying out fishing activities in Malaysian waters without a valid permit and Immigration Act 1959/63,” said Md. Fauzi.

For complaints and information on any suspicious activities at sea, the public is advised to call Miri Maritime Zone Operations Centre at 085-418204 or Sarawak Maritime Operations Centre at 082-432544 or MERS 999 which operates 24 hours.